

UNIT 8

JATA NEGARA

NOTA EFEKTIF

SEJARAH JATA NEGARA

- 1948** – Jata Negara diperkenalkan dengan memaparkan lambang lima bilah keris, lambang Pulau Pinang, Melaka serta empat warna di dalam petak, iaitu putih, merah, hitam dan kuning pada sebuah perisai yang disokong oleh dua ekor harimau. Di atas perisai, terdapat lambang bintang pecah 14 serta bulan sabit berwarna kuning. Di bawah perisai terdapat cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu” yang ditulis dalam tulisan Jawi dan bahasa Inggeris.
- 1963** – Jata Negara diubah selepas penubuhan Singapura, Sarawak dan Sabah diletakkan di sebelah bawah pada perisai. Lambang negeri Melaka diubah kepada pokok melaka. Cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu” diubah kepada bahasa Melayu.
- 1965** – Jata Negara mengalami sedikit perubahan dengan pengguguran lambang Singapura dan digantikan dengan lambang bunga raya.
- Kini** – Jata negara dikemaskini pada lambang negeri Pulau Pinang. Rekaan dua ekor harimau diubah kepada yang lebih realistik. Perubahan dilakukan pada lambang negeri Sarawak dan Sabah. Bintang pecah 14, bulan sabit, lima bilah keris, pokok melaka, empat warna, iaitu putih, merah, hitam dan kuning di dalam petak serta cogan kata dikekalkan.

LAMBANG DAN MAKNA JATA NEGARA

Lambang pada Jata Negara	Makna
Bintang pecah 14	Perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam Malaysia
Bulan Sabit dan Bintang	Bermaksud Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia
Dua ekor harimau	Melambangkan keberanian
Lima bilah keris pada perisai	Melambangkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor yang dahulunya dikenali sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
Empat Jalur Warna di tengah-tengah perisai	Merujuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Warna merah dan kuning melambangkan negeri Selangor, warna hitam dan putih melambangkan negeri Pahang. Warna hitam, putih dan kuning melambangkan negeri Perak, manakala warna merah, hitam dan kuning melambangkan Negeri Sembilan
Pokok Pinang dan jambatan	Mewakili negeri Pulau Pinang
Pokok Melaka	Mewakili negeri Melaka
Cogan Kata	“Bersekutu Bertambah Mutu” iaitu semangat bermuafakatakan mempererat perpaduan antara rakyat Malaysia
Jata negeri Sarawak dan Jata Negeri Sabah	Melambangkan negeri masing-masing
Bunga raya	Melambangkan bunga kebangsaan negara